

07/06/1999

Pemilihan pengerusi SPR tidak babit parti lawan

KEPALA BATAS, Ahad - Kerajaan tidak bercadang berbincang dengan parti pembangkang dalam urusan melantik Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang baru kerana pilihan raya di negara ini sentiasa berjalan lancar.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini, berkata pelantikan pengerusi suruhanjaya itu bukan sesuatu isu dan sejarah pilihan raya di Malaysia setakat ini tidak pernah menghadapi masalah.

Katanya jika pembangkang mempunyai sebarang masalah mengenai pilihan raya, mereka harus menghubungi SPR bagi mendapatkan penjelasan dan sebagainya.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang memetik Setiausaha Agung parti DAP Lim Kit Siang yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbincang dengan parti-parti pembangkang sebelum melantik pengerusi SPR yang baru bagi menggantikan Datuk Harun Din.

Harun akan bersara pada 21 Jun selepas memegang jawatan itu selama sembilan tahun.

"Pembangkang sering menimbulkan pelbagai isu menjelang pilihan raya dan kita menganggap ia sebagai satu kebiasaan saja kerana pilihan raya negara ini sentiasa berjalan tanpa sebarang masalah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat UMNO bahagian Kepala Batas di sini.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, yang menyalahkan Umno berhubung masalah isu kafir mengkafir, Abdullah berkata isu itu sebenarnya dimulakan oleh Pas sejak sekian lama.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno, berkata isu kafir mengkafir ini sudah dibawa oleh Pas sejak sekian lama bagi menghentam Umno.

"Adalah amat malang jika Pas membuat tuduhan begitu kepada sesama Islam kerana hukumannya adalah amat berat," katanya.

Beliau berkata, kenapa Pas mahu jadikan ia isu politik dan menuduh Umno yang memulakannya kerana Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri yang juga Menteri Besar Kelantan mengakui bahawa isu itu ditimbulkan oleh Pas.

Mengenai jawatan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan terus menerajui kepimpinan itu.

"Setakat ini tidak ada sebarang perubahan kerana ia adalah peraturan biasa sesiapa yang memegang jawatan Menteri Besar atau Ketua Menteri akan menjadi Pengerusi BN negeri," katanya ketika diminta mengulas kemungkinan Dr Koh akan digantikan calon lain untuk menerajui BN negeri.

(END)